



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Macau Scam: Dua wanita di Sarawak rugi RM314,000  
Publication/Portal: Daily Express (Sabah)  
Date: 13 April 2022

Language: Malay  
Section: Harian Ekspres  
Page: 2

## Macau Scam: Dua wanita di Sarawak rugi RM314,000

SIBU: Dua wanita di Sarawak mengalami kerugian RM314,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam, kata Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Sarawak Supt Maria Rasid pada Selasa.

Beliau berkata wanita pertama, seorang juruwang syarikat swasta di Mukah dalam laporannya kepada pihak polis pada 9 April lepas mendakwa kerugian RM174,000, selepas ditipu pihak yang mengaku diri mereka dari Pos Laju dan polis.

Kejadian menimpa wanita berusia lewat

20-an itu bermula selepas beliau menerima panggilan telefon daripada seorang wanita tidak dikenali mendakwa dirinya petugas di pejabat Pos Laju Kuala Lumpur pada 7 April lepas.

Satu lagi kes dilaporkan pada 8 April lepas melibatkan seorang penjawat awam wanita berusia awal 40-an di Miri, dengan penipuan bermula pada 14 Jan selepas menerima panggilan telefon daripada seorang wanita bernama "Mastura" dari syarikat insurans Takaful. – Bernama